

PEMBENTUKAN KELUARGA BERKUALITI MENURUT PERSPEKTIF ISLAM DI KALANGAN WANITA BEKERJAYA: KAJIAN KES DI PUTRA JAYA

A'dawiyah Ismail

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan,
Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor;

E-Mel: adawii@hotmail.com; **Tel:** 013-3737432; **Faks:** 03-89215528

Tahap pengajian: Doktor Falsafah, Universiti Sains Malaysia

Kertas kerja ini merupakan satu cadangan penyelidikan berkaitan isu wanita dan keluarga dengan memberi perhatian kepada aspek pembentukan keluarga berkualiti menurut perspektif Islam di kalangan wanita bekerjaya di Putra Jaya. Setiap pasangan yang membina rumahtangga inginkan kebahagiaan dalam hidup berkeluarga dan mencapai tahap terbaik yang diistilahkan sebagai keluarga berkualiti. Keluarga berkualiti akan diukur berdasarkan cara kehidupan setiap individu dalam institusi tersebut yang terdiri dari pasangan suami isteri, ibu, ayah dan anak-anak berpandukan ilmu pendidikan rumahtangga dalam Islam. Aspek pengurusan hal ehwal rumahtangga, pentadbiran, sikap ahli keluarga, pengurusan masa berkualiti, aktiviti bersama keluarga dan komitmen ahli melaksanakan tanggungjawab, nilai-nilai murni agama serta pencapaian ahli keluarga dalam menentukan halatuju keluarga ke arah kecemerlangan hidup di dunia dan di akhirat akan menjadi garis panduan untuk menentukan keluarga berkualiti. Salah satu entiti dalam institusi tersebut yang memainkan peranan penting dalam pembentukan keluarga berkualiti ialah wanita yang bergelar ibu, isteri dan pekerja. Kajian ini akan melihat sejauhmana peranan dwifungsi mereka dalam rumahtangga untuk keseimbangan dan merialisasikan tujuan pembinaan rumahtangga mengikut kehendak agama Islam di samping sumber sokongan lain. Walaupun di hadapan wanita bekerjaya ini pelbagai cabaran yang ditempuhi namun telah terbukti kecekalan dan kegigihan kaum wanita menampakkan hasil kejayaan mendidik anak-anak hingga berjaya, menggerakkan masyarakat ke arah masyarakat dan ummah maju seterusnya membangunkan negara ke mercu kejayaan yang membanggakan melalui sumbangan mereka dalam tenaga kerja mengikut bidang. Lokasi kajian yang akan dijalankan ialah Putra Jaya. Metodologi kajian ini ialah melalui pencarian bahan primer dan sekunder. Data primer yang diperolehi daripada soal selidik akan dimasukkan ke dalam komputer, kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian "Statistical Packages For Sosial Scinces" (SPSS).